

| | | | |
|--------------------|---------------------------------|---------------------|-------------------|
| Headline | Desak tetap pilihan raya | Language | MALAY |
| Date | 18. Oct 2008 | Page No | 19 |
| Media Title | Harian Metro | Article Size | 102 cm2 |
| Section | Setempat | Frequency | Daily |
| Circulation | 336603 | Color | Full Color |
| Readership | 2192000 | AdValue | |



Desak tetap pilihan raya

200 pelajar UKM adakan demonstrasi secara aman, serah memorandum kepada menteri



DESAK...sebahagian pelajar UKM yang menyertai demonstrasi, semalam.

>>Oleh Mohd Fauzi Abdullah

fauzie@hmetro.com.my

BANGI: Karnival Kerjaya Kebangsaan 2008 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, sepatutnya menjadi median bagi pelajar mengenal pasti hala tuju selepas menamatkan pengajian, bertukar kecoh apabila sekumpulan penuntut mengadakan demonstrasi mendesak tarikh pilihan raya kampus diumumkan segera selain diadakan secara adil dan telus.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 petang semalam, insiden berkenaan tercetus sejurus Menteri Pengajian

Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berjalan menuju Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dectar) untuk melawat parmeran selepas merasmikan karnival yang dijadual berlangsung mulai semalam hingga Ahad ini.

Kira-kira 200 pelajar yang berkumpul di depan dewan berkenaan membawa kain rentang dan membuat bising dengan memekik meminta pilihan raya diadakan secara adil dan telus serta meminta tarikh pilihan raya kampus diumumkan segera.

Suasana menjadi tegang apabila mereka enggan bersurai walaupun disuruh berbuat demikian oleh pegawai keselamatan bertugas sehingga memaksa pihak universiti memanggil pihak polis untuk menghentikan demonstrasi berkenaan.

Keadaan kembali terkawal apabila dua kereta peronda polis memasuki perkarangan dewan dan pihak polis mengarahkan pelajar terbabit bersurai.

Pengerusi Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM), Muhammad Hafizuddin Abirera, yang mengetuai demonstrasi itu berkata, pihaknya hanya mahu menyerahkan memorandum mengenai perkara berkenaan kepada Khaled dan berharap suara mereka didengari bagi melincinkan perjalanan pilihan

raya kampus.

"Kami mahukan ketelusan pilihan raya yang adil dan bersih tidak seperti tahun sebelumnya di mana berlaku campur tangan pihak luar dalam politik kampus.

"Pada pilihan raya kampus tahun lalu, kami berjaya menggesa kehadiran pengundi hantu di Kolej Kediaman

Ke-12 Universiti Malaya dan kertas undi menjadi dua walaupun pengundinya hanya seorang di Universiti Putra Malaysia," dakwanya.

Katanya, SSM mewakili enam persatuan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara iaitu Gabungan Mahasiswa Islam Semalaysia (Gamis), Gabungan Mahasiswa Bukan Aspirasi (Pro Mahasiswa Nasional), Gerakan Mahasiswa Demokratik (Dema), Teras Keupayaan Melayu (Teras Mahasiswa), Jawatankuasa Kebajikan Siswa dan Siswi (JKMI) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM).

"Kami meminta tarikh pilihan raya kampus bagi beberapa universiti antaranya Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabang-

sa (UIA), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan UKM diumumkan segera bagi membolehkan pelajar membuat persiapan awal," katanya.

Mengulas insiden itu, Khaled berkata pihaknya menyerahkan kepada pengurusan universiti masing-masing untuk mengumumkan tarikh pilihan raya yang sesuai memandangkan keadaan sekarang tidak mengizinkan.